

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN MOHD RAFIZI BIN
RAMLI [PANDAN]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai setiap penerbangan (dengan memberi perincian masa, destinasi dan penumpang) jet ACJ319 A6-CJE yang disewa oleh Kerajaan Malaysia dan perincian kos yang ditanggung sepanjang tempoh ia disewa.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pesawat ACJ319 nombor pendaftaran A6-CJE disewa oleh Kerajaan Malaysia bertujuan menampung keperluan pengangkutan udara rasmi Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan VVIP Negara semasa Pesawat Eksekutif Kerajaan sedia ada ACJ320 menjalani penyelenggaraan berkala dalam tempoh dua bulan.

Semua tugas penerbangan yang dilaksanakan oleh pesawat tersebut adalah mengikut peraturan penggunaan pesawat rasmi Kerajaan yang berkuat kuasa.

Kos sewaan dan keseluruhan caj penerbangan bagi pesawat berkenaan adalah mengikut harga semasa berdasarkan kontrak yang dipersetujui.

Sekian, terima kasih.